

TICKET
TO
VICTORY
(EDISI SEMAKAN)

BAHASA MELAYU

SPM 2024

KERTAS 2



Kata Alu-Aluan

DATO' MOHAMAD FAUZI BIN MAHSON,D.P.M.P,A.M.P
Pengarah Pendidikan Negeri Perak



Assalammualaikum warahmatullahhi warabarakatuh.

Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, salam Perak Sejahtera 2030 dan Salam Anak Yang Baik Lagi Cerdik.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka modul Ticket to Victory edisi 2024 ini berjaya dihasilkan.

Modul yang dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Guru Cemerlang, Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran yang berpengalaman memberi tumpuan kepada tajuk-tajuk penting yang perlu dikuasai oleh calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini. Modul edisi 2024 ini juga mengandungi penambahbaikan kerana memberi perhatian kepada semua peringkat calon serta bersasar.

Melalui pendekatan berfokus begini diharapkan agar modul ini dapat membantu pelajar-pelajar untuk menguasai fakta-fakta penting dan tajuk-tajuk tertentu mengikut kemampuan pelajar.

Jabatan Pendidikan Negeri Perak amat berharap agar melalui penerbitan modul ini dapat membantu guru-guru menyediakan latihan dan soalan latih tubi berfokus agar para pelajar lebih bersedia untuk menghadapi dan menjawab soalan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak , saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak serta guru-guru yang telah bergabung tenaga dan idea bagi menghasilkan modul ini. Semoga komitmen dan kerjasama erat ini akan membawa hasil yang diharapkan serta diberkati dan dirahmati Allah SWT.

Kata Alu-Aluan

SAFUAN BIN HAJI RABA'AI

Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



Assalammualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, serta salam Anak Yang Baik Lagi Cerdik.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah merealisasikan dengan jayanya modul 'Ticket to Victory 2024'.

Modul ini menggambarkan kecekalan warga pendidik di negeri Perak untuk menghasilkan modul untuk digunakan oleh calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia di negeri Perak Darul Ridzuan.

Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh setiap unit yang berkolaboratif dengan Guru Cemerlang, Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran negeri ini dalam menyiapkan modul ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyempurnakan modul 'Ticket to Victory 2024' ini.

Diharapkan melalui kerjasama daripada semua pihak yang digembung sepenuhnya dalam menghasilkan modul ini berhasil meningkatkan kualiti jawapan calon seterusnya melonjakkan kecemerlangan pelajar di negeri ini.

Semoga usaha ini tidak terhenti setakat ini, sebaliknya semua pihak perlu berperanan dalam usaha melakarkan kegemilangan pendidikan di negeri Perak.

Salam hormat

PENGHARGAAN



**PUAN HAJAH FADHILAH
BINTI HAWARY**
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
UNIT BAHASA
SEKTOR PEMBELAJARAN



ENCIK SAFUAN BIN HAJI RABA'AI PPT
TIMBALAN PENGARAH
SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



**PUAN NURMAZURA BINTI
MOHAMAD YUNUS**
PENOLONG PENGARAH
UNIT BAHASA
SEKTOR PEMBELAJARAN

BARISAN PANEL



**MOHD KHAIRUL NIZAM
BIN HAMAT@ MAT RONI**
SMK SYEIHH ABD GHANI



MOHD FAIZAL BIN YAHYA
SMK MUDZAFFAR SHAH



MOHD KHUSAIRI BIN KHAZALE
SMK HAMPUNG JAMBU



MOHD TARMIMI BIN RAZALI
SMK SERI AMPANG



NOORHAFIEZ BIN SAIDIN
SMK PANGUMA BHUT GANTANG



ROAZZILA BINTI YEOB RAMLI
SMK WIRA JAYA



NOORIN BINTI MOHAMED HAIRIRI
SMK SIMPANG PULAI

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERKARA

1-10 MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU 2 : SET 1

11-20 MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU 2 : SET 2

21-32 SKEMA JAWAPAN : MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU 2 : SET 1

33-45 SKEMA JAWAPAN : MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU 2: SET 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata hubung pancangan. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

“Anak Yang Baik lagi Cerdik”(ABC) merupakan sebuah slogan yang sering diungkapkan oleh Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato Hj. Pkharuddin Hj. Ghazali. Beliau menegaskan bahawa ABC bukan sahaja memfokuskan kepada kaedah untuk melahirkan pelajar yang cerdik semata-mata, tetapi juga mempunyai sahsiah diri yang baik. Slogan ini dihasilkan sebagai usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memberikan pemahaman yang mudah diterima oleh semua masyarakat untuk dihayati supaya murid-murid kini dididik untuk menjadi modal insan berilmu dan berakhhlak mulia sebagai pewaris negara pada masa hadapan. Bagi mencapai matlamat melahirkan generasi ABC, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai program di kawasan bandar hingga luar bandar bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dengan pembelajaran anak-anak

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘KPM Komited Mewujudkan Pendidikan Seimbang
 oleh Syafiqah Abdul Khalid ,Dewan Masyarakat, 19 Feb 2023

[8 markah]

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Kerajaan telah merangka Akta Orang Kurang Upaya 2008 untuk memastikan golongan ini menikmati pelbagai kemudahan. Kemudahan-kemudahan tersebut boleh diakses sendiri oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan bersifat inklusif. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan pelbagai jenis persekolahan khas pada peringkat rendah mahupun menengah. Para ibu bapa atau penjaga anak-anak OKU haruslah merebut peluang ini agar pendidikan mereka lebih terjamin. Selain itu, kerajaan turut menyediakan inisiatif pinjaman modal untuk memulakan perniagaan bagi golongan OKU yang meminati bidang perniagaan.

Dipetik dan diubahsuai daripada
 ‘Martabatkan Golongan Kurang Upaya’
 oleh Samat Buang, Dewan Siswa,2017

[6 markah]

- 3 Bac surat berikut dengan teliti. Surat tersebut mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin surat tersebut.

Kelab Alam Sekitar,
SMK Dato Darwis
Jalan Abdul Samad
80100 Johor Bahru

SMK Dato Darwis
Jalan Abdul Samad
80100 Johor Bahru

1 april 2024

Tuan,

Permohonan Kebenaran Penganjuran Program Sambutan Hari Bumi

Merujuk perkata diatas, Kelab Alam Sekitar SMK Dato Darwis berhasrat untuk mengadakan Program Sambutan Hari Bumi peringkat sekolah pada 22 April 2024. Program ini telah diterima suara sebulat dalam mesyuarat ahli jawatankuasa Kelab Alam Sekitar.

2. Untuk makluman pihak tuan, program ini dilaksanakan untuk meningkat kesedaran dalam kalangan warga sekolah untuk melindungkan bumi. Hal ini kerana masalah pencemaran alam sekitar seakan-akan tidak menemukan titik noktah. Oleh itu, kami berharap agar usaha kecil ini mampu menyemai semangat cinta kepada alam sekitar dalam kalangan warga sekolah.
3. Berdasarkan keputusan mesyuarat, kami akan melaksanakan program 10 minit tanpa elektrik serentak di 193 negara tepat jam 10.00 pagi. Aktiviti ini sebagai tanda setuju kepada penggunaan teknologi hijau. Selain itu, pertandingan kraftangan daripada bahan membuang dan pertandingan video bertemakan alam sekitar turut diadakan.
4. Program ini juga telah mendapat tajaan dari Jabatan Alam Sekitar. Oleh itu, kami mengharapkan pihak tuan meluluskan program ini pada tarikh tersebut

Sekian, terima kasih

Yang benar,

.....
Setia usaha Kelab Alam Sekitar
SMK Dato Darwis Johor Bahru

Dipetik dan diubahsuai daripada
<https://docx.my/contoh-karangan-surat-kiriman-rasmi-terbaik>

. [11 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dan bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu."

Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti, senaraikan tiga peribahasa, kemudian bina ayat menggunakan peribahasa tersebut.

Kerjasama merupakan amalan yang boleh dipupuk melalui penglibatan ibu bapa bersama-sama ahli keluarga yang terdiri daripada anak-anak dalam pelbagai aktiviti sejak anak-anak masih kecil lagi kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Ibu bapa sewajarnya membawa anak-anak mereka menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, majlis sambutan perayaan atau perjumpaan bulanan komuniti. Manfaatnya setiap keluarga akan dapat dipertemukan dengan semua jiran, saling berkenalan dan merapatkan hubungan bagi aur dengan tebing. Mereka dilihat seikat sebagai sirih serumpun sebagai serai kerana akan lebih mesra, saling membantu dan bertolak ansur tanpa membezakan warna kulit, bangsa atau kepercayaan. Hal ini menunjukkan bahawa amalan berat sama dipikul ringan sama dijinjing dalam kalangan anggota masyarakat dapat membentuk ukhuwah yang kukuh dan ampuh.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Usaha-Usaha Memupuk Semangat Kerjasama Dalam Kalangan Masyarakat'
oleh Puan Sharifah , *Berita Harian Online*, Januari 2018

[6 markah]

BAHAGIAN B – PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Melihat keadaan sekarang, para graduan terjejas teruk dan kebanyakannya terpaksa mengambil jalan dengan memulakan perniagaan demi sesuap nasi. Sama ada menjadikan perniagaan sebagai pilihan terakhir sebagai sumber pendapatan, sekadar minat atau menjadikan perniagaan sebagai kerjaya. Perkara yang penting ialah graduan *menetapkan tujuan* sebelum memilih perniagaan sebagai satu bidang kerjaya. Mendepani fasa endemik, graduan perlu memastikan perancangan kewangan lebih realistik dan bermakna. Cabaran besar yang dihadapi graduan dalam menguruskan kewangan menuntut untuk memikir semula, memulih dan melakukan penambahbaikan dalam pengurusan kewangan.

Secara realitinya, strategi pekerjaan perlu bersesuaian dengan peredaran semasa. Graduan perlu bersifat kreatif dalam mencipta pekerjaan atau perniagaan, di samping mendapat pendedahan dan bimbingan secara menyeluruh sebelum tamatnya pengajian supaya bersiap siaga menghadapi cabaran dan risiko pada masa akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perniagaan Bukan Pilihan Terakhir'
oleh Intan Syazlina Bini Mohd Ali,
Dewan Masyarakat, Februari 2022


Bahan 2

Bolehkah hidup sebagai penulis? Mungkin itulah pertanyaan sebahagian orang apabila diajukan soalan berkenaan kerjaya sebagai penulis. Mungkin akan ada yang terus berkata, menjadikan penulisan sebagai kerjaya tidak menjamin masa hadapan. Bahkan, dalam hierarki cita-cita, kerjaya sebagai penulis bukanlah berada pada tahap utama. Tanyalah kepada anak-anak kecil apakah cita-cita mereka? Pastinya, penulis bukanlah pekerjaan yang menjadi jawapan popular.

Kepesatan media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain membolehkan individu dan organisasi menjadikan platform media sosial ini sebagai tempat menjual dan melakukan pemasaran produk dan perkhidmatan. Lantaran itu, lahirlah kerjaya sebagai penulis iklan atau lebih dikenali sebagai penulisan iklan (*copywriting*). Penulis ini akan terlibat dalam pemasaran untuk iklan seperti di papan iklan, brosur, pamflet, kain rentang, gegantung, laman web, katalog dan sebagainya. Individu yang terlibat dalam kerjaya ini perlu menguasai perkataan dan pemasaran serta mampu menjana idea kreatif untuk memujuk pengguna bagi membeli barang atau perkhidmatan yang ditawarkan. Di sinilah letaknya kekuatan penulisan seseorang penulis *copywriting*. Tidak banyak yang mampu menjadi penulis *copywriting* yang berjaya memujuk pembeli. Maka itu, kerjaya ini seharusnya berada dalam kelasnya yang tersendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada
Menjadikan Penulisan sebagai Kerjaya
oleh MK Riza Tunas Cipta Jun 2021.

Bahan 3



Dipetik dan diubahsuai daripada grafik :
Talenbank Sdn Bhd
Infografik Bernama, 27 Disember 2023

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *menetapkan tujuan*.

[2 markah]



- ii) Merujuk **semua bahan**, nyatakan kriteria-kriteria penting dalam menceburi bidang kerjaya.

[4 markah]

- iii) Kerjaya dalam bidang pertanian dan perladangan semakin kurang menarik minat golongan muda di negara ini.

Pada pendapat anda, apakah usaha untuk meningkatkan jumlah guna tenaga muda dalam bidang tersebut?

[3 markah]

- iv) Rakan baik anda mendapat panggilan temu duga jawatan yang dipohonnya dalam sebuah jabatan kerajaan. Dia akan menghadiri temu duga tidak lama lagi.

Sebagai rakan baik, cadangkan persediaan awal yang perlu dilakukan oleh rakan anda sebelum menghadiri sesi temu duga tersebut.

[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dengan intonasi suara yang lembut aku memulakan bicara. Bercakap dengan orang tua tidak sama seperti bercakap dengan kawan-kawan. Adab perlu diutamakan.

"Boleh, nak tanya apa?" Datuk berkaliuh ke arahku, dia mengeyakan.

"Kenapa tok nak sangat Azman belajar bersilat dan buat tanjak?" soalku kepada datuk. Sepanjang hidupku bersama dengan datuk, silat dan tengkolok sentiasa menjadi pendekatannya kepadaku.

"Azman, kamulah satu-satunya pewaris ilmu persilatan dan pembuatan tanjak yang tok usahakan. Dalam hidup ini, tok cuma ada kamu seorang sahaja.

Semua kaum keluarga yang lain sudah tiada lagi. Sebab itulah tok bersungguh-sungguh nak perturunkan ilmu ini kepada kamu. Tok dah puas hidup, tak lama lagi Allah akan panggil tok pulang, dan hanya kepada kamulah tok turunkan ilmu ini supaya generasi akan datang kenal tentang warisan Melayu terdahulu," lanjut datuk. Ada kesungguhan dalam kata-katanya.

Aku mengangguk tanda memahami. Benar kata datuk, kini akulah satu-satunya insan yang ada dalam hidupnya. Susah dan senang, kami sentiasa bersama-sama.

Dipetik daripada Cerpen 'Warisan'
oleh Iqmal Izzat Muhammad Taufiq Janse
Dewan Siswa bil. 6 2022.

Bahan 2

Pewaris Muda

Bangkitlah wahai anak muda
perjuangkan bangsa dan bahasa Melayu kita
sematkanlah dalam jiwa dan raga
tetap pelihara dan terus terjaga.

Semangat muda yang membara
kita laungkan keramat
tidak Melayu hilang di dunia
kita laungkan.

Simpanlah khazanah nenek moyangmu
tanam dan sematkan dalam dirimu
juga kepada anak cucumu
berbanggalah dengan warisan bangsamu.

Wahai anak muda
hanya itu sahaja tinggalan yang ada
genggam dan simpan dalam dada
agar berguna kepada semua.

Nurul Najehan Azarudin, UPM

i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah ilmu yang diwarisi oleh penulis?

[2 markah]

ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan kepentingan warisan kepada bangsa.

[3 markah]

iii) Generasi muda merupakan aset dan tonggak negara dalam memperkasakan kegemilangan adat dan warisan.

Pada pendapat anda, apakah cabaran yang dihadapi generasi muda dalam usaha tersebut?

[3 markah]

iv) Sekolah anda akan mengadakan program kebudayaan peringkat sekolah. Pelbagai pertandingan dianjurkan oleh pihak sekolah kepada semua murid.

Sebagai pengurus Kelab Kebudayaan sekolah anda, apakah peranan yang dapat anda mainkan untuk menjayakan program tersebut?

[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan novel Tingkatan 5

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Kubah surau?” aku mengulangi jawapannya dan serta-merta aku teringat kata-kata nenek tentang orang kampung ini yang sedang sibuk membangunkan kubah surau. Akan tetapi, aku tidak melihat sebarang masalah dan keganjilan pada niat orang kampung. “Kenapa tak bangunkan masjid?”

“Susah, kalau tiada muafakat. Wakil rakyat beri dua pilihan, sama ada hendak membangunkan dewan atau masjid, tapi rata-rata orang kampung ini hanya ingin memasang kubah.”

“Pelik,” kataku.

“Nak bangunkan masjid perlukan tapak. Tapak surau yang ada pun atas nama pemilik yang dah jadi arwah, sekarang ni pewarisnya tuntut tapak surau. Apalagi nak bangunkan dewan masyarakat, orang kampung selalu fikir nilai tanah mahal dan akan lebih mahal pada masa depan. Masing-masing pagar kawasan, orang kampung tak nak jual tanah kepada pemaju.”

“Bukankah pembangunan sesuatu yang bagus?”

Dipetik daripada Novel Jendela Menghadap Jalan,
Karya Ruhaini MatDarin
Kementerian Pendidikan Malaysia



Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi oleh masyarakat kampung dalam melaksanakan pembangunan di kampung ?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari,uraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan watak dalam menyelesaikan masalah.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]



Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

BAHAN 1

Kesenian dan kebudayaan merupakan dua entiti yang saling berkait rapat dan bergantungan antara satu sama lain. Di seluruh dunia, setiap masyarakat mempunyai identiti seni dan kebudayaannya yang tersendiri lantas membentuk keunikan cara hidup mereka. Jika diperhatikan, dalam usaha menyemarakkan kesenian dan kebudayaan dalam kalangan Keluarga Malaysia, pelbagai aktiviti yang melibatkan bidang kesenian dan kebudayaan dianjurkan sempena sambutan kemerdekaan.

Kesenian dan kebudayaan seperti lagu dan filem mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Kelebihan kesenian dan kebudayaan antaranya dapat membentuk sebuah negara bangsa yang mempunyai identiti tersendiri. Oleh sebab itu, penjajah membawa masuk unsur kesenian dan kebudayaan mereka ke Tanah Melayu kerana kedua-dua unsur ini mampu mempengaruhi minda dan nilai masyarakat. Dalam proses menjadi sebuah negara maju, Malaysia tidak boleh hanya berkiblatkan sains dan teknologi semata-mata malah kerajaan sewajarnya memartabatkan kesenian dan kebudayaan yang diwariskan oleh generasi terdahulu.

Di negara kita, kedua-dua bidang ini mampu menyatukan masyarakat yang mempunyai persilangan budaya. Filem *Mat Kilau* telah membuktikan penerimaan luar biasa Keluarga Malaysia yang berunsurkan budaya masyarakat Melayu. Justeru, medium hiburan seperti filem perlu mengangkat nilai sejarah negara secara lebih kreatif agar dapat diterima oleh generasi kini. Pengisian sejarah yang diangkat secara ringan, santai dan kreatif dalam filem membolehkan kita lebih menghayati nilai seni dan budaya masyarakat tempatan. Selain itu, lagu-lagu berunsurkan kesenian dan kebudayaan mampu memupuk perpaduan melalui lirik dan iramanya. Semoga bidang kesenian dan kebudayaan ini mampu menjadi malar segar dan boleh diwarisi oleh generasi akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Menyemarakkan Kesenian dan Kebudayaan Melalui Filem dan Lagu”
Oleh Amirah Syazwani, Dewan Budaya, 31Ogos 2022

BAHAN 2

Bunga layu di dalam taman,
Bunga ditanam di kawasan gurun;
Seni Melayu jangan dilupakan,
Menjadi kebanggaan turun-temurun.

Burung camar di sawah padi,
Hinggap sebentar di tepi perigi;
Seni dan budaya perlu dipelajari,
Nilai murni dapat diwarisi.

Sumber : Internet

BAHAN 3



Mempromosikan kesenian dengan aktiviti menarik

Memelihara seni budaya bangsa

Menyalurkan insentif kepada penggiat seni

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Permainan boling padang memerlukan beberapa biji bola asimetri yang dipanggil *bowl*, bola kayu bersaiz kecil berwarna putih dan kuning yang dinamakan *jack*, pita pengukur dan tikar. Gelanggang rumput asli dan rumput tiruan berada di kawasan luar, manakala gelanggang berkarpet berada di dalam dewan. Gelanggang luar dikelilingi pasir halus dan tebingnya diperbuat daripada kayu atau konkrit serta dilapik dengan karpet atau getah supaya tidak memberikan lantunan yang kuat.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Bola yang Meleret’
 Buku Teks Tingkatan 5
 Kementerian Pendidikan Malaysia

[8 markah]

- 2 Baca petikan dialog di bawah ini dengan teliti. Kemudian tukar **cakap ajuk** yang digariskan di bawah kepada **cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

Tiga orang sahabat melakukan aktiviti riadah di Lata Kekabu iaitu sebuah tempat perkelahan yang terkenal di negeri Perak. Mereka berjalan ke sebuah pondok yang disediakan sambil berbual-bual dan menikmati keindahan alam.

“Wah, bersih sungguh tempat ini! Dahulu tidak begini,” kata Suraya. Mereka mendapat terdapat banyak tong sampah disediakan oleh pengusaha kawasan perkelahan tersebut. “Kini kesedaran masyarakat tentang kebersihan di tempat awam semakin meningkat,” kata Adam.

“Minggu lepas, saya dan Suraya ke tempat perkelahan yang berhampiran rumah saya tetapi keadaannya amat mendukacitakan,” kata Kavitha pula. “Betulkah begitu?” tanya Adam. “Betul, Adam. Peribahasa ada mengatakan tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata,” jawab Kavitha.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Sembang Bunga Bangsa’, Bahasa Melayu Tingkatan 4
 Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut semula.

Bahan 1

Kegiatan sukan mendatangkan banyak faedah-faedah kepada remaja. Antaranya, sukan dapat melahirkan remaja yang sihat, sama ada dari segi fizikal atau pun mental. Sebagai contoh, aktiviti sukan seperti berbasikal, mendaki gunung, dan bermain bola sepak akan membantu remaja bagi membina tubuh badan yang sihat, cergas, dan menarik. Hal ini demikian kerana bersukan boleh menguatkan otot dan tulang serta menyihatkan badan dengan membakar lemak berlebihan di dalam badan. Natijah daripada badan yang sihat juga akan melahirkan minda yang cerdas dan mendorong kecemerlangan dalam belajar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Faedah Sukan kepada Remaja'
Buku Teks Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Bahan 2

PERTANDINGAN ESUKAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

Syarat-Syarat Bertanding

- Setiap perserta hanya dibenarkan menyertai satu kategori sahaja, iaitu sama ada secara individu atau berkumpulan.
- Duit penyertaan sebanyak RM 50 (individu) dan RM200 (berkumpulan)

TARIKH : 25 October 2024

MASA : 9.00 pagi – 2.00 petang

HARI : Sabtu

TEMPAT : Stadium Melawati, Shah Alam

[5 markah]

- 4 Bacalah petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda. "Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri."

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja itu di seri balai itu, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.

Dipetik daripada prosa tradisional "Burung Terbang Dipipiskan Lada",
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia Malaysia, 2015

[4 markah]

- 5 Bacalah petikan di bawah dengan teliti kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Amalan hidup berjiran merupakan amalan yang mulia dan perlulah dipupuk dalam diri anak-anak sejak kecil lagi kerana _____. Setiap anggota masyarakat disarankan supaya bersikap jujur dan tidak mengamalkan sikap berpura-pura bagi _____ kerana sikap ini boleh merenggangkan hubungan sesama jiran.

Pada masa yang sama, masyarakat juga disyorkan agar bersikap _____ dengan menyertai aktiviti gotong-royong dan aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh jiran tetangga. Kesannya, hubungan silaturahim akan bertambah utuh dan masyarakat dapat hidup dalam suasana yang harmoni.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Di negara kita banyak sungai yang dikategorikan sebagai nazak. Kes pencemaran Sungai Kim Kim yang berlaku pada 7 Mac 2019, telah mengakibatkan lebih daripada 6000 orang penduduk Pasir Gudang terjejas dan 111 buah sekolah diarahkan tutup. Walaupun kes ini mendapat liputan meluas daripada pihak media massa di negara ini, namun masalah pencemaran sungai masih belum menemui noktahnya. Jika tiada tindakan segera diambil oleh pihak bertanggungjawab, nescaya banyak lagi sungai yang akan mengalami nasib yang sama pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, Profesor Emeritus Datuk Ibrahim Komoo selaku Pengerusi Pasukan Bertindak Kluster Alam sekitar dan Kelestarian Akademi Profesor Malaysia merangkap Felo Utama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berpendapat bahawa pengurusan air di Malaysia adalah jauh lebih baik daripada negara-negara jiran, cuma mungkin sudah tiba masanya teknologi takungan air perlu diubah. Katanya, teknologi takungan air yang diamalkan sekarang sudah ketinggalan zaman dan tidak sesuai dengan *pembangunan pesat* di sepanjang sungai pada hari ini yang menjadi punca pencemaran sungai. Teknologi terbaik dan selamat adalah dengan mengalirkkan air terus ke dalam paip yang menghubungkan takungan ke loji pembersihan tanpa melalui aliran sungai yang terletak di kawasan perindustrian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ada Apa dengan Jom Turun Sungai'
Oleh Norimanah Seman
Dewan Masyarakat, April 2021

Bahan 2

Alam sekitar merupakan kurniaan Tuhan yang perlu kita jaga dan pelihara bersama-sama. Namun, kini manusia lebih sibuk mengeksplorasi alam sekitar tanpa memikirkan kesan dan akibat perbuatan negatif tersebut. Antara sumber alam sekitar yang teruk terjejas akibat perbuatan manusia ini ialah sungai. Beberapa punca dikenal pasti menyumbang kepada berlakunya pencemaran sungai seperti pembuangan sampah ke dalam sungai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sampah dan sisa domestik yang dibuang ke dalam sungai mengakibatkan sungai dipenuhi plastik-plastik sampah dan sisa-sisa buangan yang terapung pada permukaan air.

Punca lain yang mengakibatkan sungai tercemar ialah akibat kegiatan pembalakan. Apabila pokok-pokok ditebang, tanah akan terdedah kepada hakisan. Tanah yang terhakis akan mengalir ke sungai dan menyebabkan sungai menjadi lebih cetek hasil daripada mendapan tanah tersebut. Implikasinya, fenomena banjir kilat akan berlaku dan kualiti air untuk tujuan domestik akan terjejas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pencemaran Sungai di Malaysia'
<https://www.wastemanagement.com.my>, 28 Mac 2014

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *pembangunan pesat*.

[2 markah]



- ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan punca-punca berlakunya pencemaran sungai.

[3 markah]

- iii) Sungai merupakan nadi sumber semula jadi yang membekalkan air bagi keperluan domestik manusia untuk tujuan mencuci pakaian, memasak dan membersihkan diri.

Pada pendapat anda, selain membekalkan air bagi keperluan domestik manusia, apakah kepentingan sungai kepada manusia?

[3 markah]

- iv) Pada suatu hari, ketika anda dan rakan-rakan memancing ikan di sebatang sungai, anda mendapati bahawa terdapat dua orang lelaki yang memandu sebuah lori sedang membuang sisa toksik ke dalam sungai tersebut. Tindakan tidak bertanggungjawab tersebut akan menyebabkan sungai yang bersih tercemar.

Sebagai seorang penduduk kampung yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang dapat anda lakukan bagi memastikan bahawa kejadian yang sama tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

[4 markah]

- 7 Bacalah bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Lagu Bahasa Jiwa Bangsa

Gunakanlah Bahasa Kebangsaan kita
marilah amalkan ramai-ramai
bahasalah menyatukan kita semua
yakinlah Bahasa Jiwa Bangsa.

Marilah mari rakyat semua
buktikan taat setia dengan satu bahasa
maju bangsa dan maju negara
megahkan bahasa kita
Bahasa Jiwa Bangsa.

Bahan 2

Dirgahayu Bahasaku

Bahasa itu maruah bangsa
yang mesti dipelihara martabatnya
agar tetap kukuh dan ampuh
melayari lautan bijaksana
salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku
hak bangsaku memilikimu
hak bangsaku mendaulatkanmu
di bumi bertuah ini
merentas dunia tak bertepi.

Dipetik daripada Sajak Dirgahayu Bahasaku,
Antologi Dirgahayu Bahasaku,KPM

Bahan 3

Bonda tersenyum melihat saya tidak sabar untuk meninggalkan bumi kelahiran saya ini. "Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pokok kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun."

Dipetik daripada Cerpen Munsyi,
Antologi Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia

- i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *merentas dunia tak bertepi*.

[2 markah]



- ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kepentingan bahasa Melayu.

[4 markah]

- iii) Bahasa Jiwa Bangsa bermaksud bahasa sebagai milik mutlak sesuatu bangsa yang menjadi identiti kebangsaan. Sesungguhnya, bahasa itu menunjukkan jati diri sesuatu bangsa.

Pada pendapat anda, bagaimakah masyarakat dapat memartabatkan bahasa Melayu di negara kita?

[3 markah]

- iv) Rakan anda suka mencampuradukkan bahasa Melayu dalam percakapan dan penulisan. Situasi ini menyebabkan prestasinya dalam mata pelajaran bahasa Melayu kurang memuaskan. Dia telah berjumpa dengan anda untuk meminta nasihat tentang cara-cara memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu.

Sebagai rakan yang prihatin, bagaimakah anda dapat membantu rakan anda mengatasi masalah tersebut?

[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan novel Tingkatan 5

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hujan terus mencurah. Air begitu pantas meninggi. Tiba-tiba terdengar deruan yang begitu kuat.

“ Bot! Bot! ” jerit Melati.

Empong menuju ke tingkap dan memanjangkan leher. Benar, yang ditunggu sudah tiba. Keriangan memercup di jiwa.

“ Cepat naik ke bot! Ha, naikkan nenek dulu! ” teriak Embong.

Segalanya dilakukan dengan pantas!

Dua pusat pemindahan disediakan, iaitu balai raya dan di surau. Penduduk kawasan depan ditempatkan di balai raya manakala penduduk sebelah dalam ditempatkan di surau.

Balai raya Cuma 50 x 20 meter, bukanlah besar sangat untuk menampung penduduk hampir 150 orang. Untuk pertama kalinya, mereka menghadapi hari-hari tanpa bekalan elektrik, tanpa peti televisyen, tiada tilam yang empuk, dan makanan bersaji. Ramai yang merungut tetapi ada yang berserah terhadap ketentuan Tuhan.

“ Kalau tahu macam ini, Huh, ikutkan hati sekarang juga aku mahu berpindah.”

Dipetik daripada Novel Songket Berbenang Emas
Karya Khairuddin Ayip
Kementerian Pendidikan Malaysia



Berikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mangsa banjir semasa di pusat pemindahan?

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari,uraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan sikap keprihatinan.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]



Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Kesihatan amat penting bagi menjamin keceriaan hidup seseorang. Kesihatan merujuk keadaan tubuh yang tidak mengalami sebarang masalah. Terdapat pelbagai langkah untuk memiliki tahap kesihatan yang baik. Setiap individu perlu sedar bahawa tubuh sangat memerlukan penjagaan. Aspek penjagaan yang perlu diberikan perhatian termasuklah penjagaan tubuh, mental, kebersihan persekitaran dan sebagainya. Perkara ini memberikan kesan positif andai diamalkan secara konsisten dalam kehidupan.

Sukar untuk kita menjaga tubuh jika tidak tahu apa-apa mengenainya. Ibaratnya, kita hendak melawan musuh tetapi tidak memahami sebab dan cara untuk bertindak. Sewajarnya, amalan yang dapat dilakukan termasuklah pemeriksaan kesihatan berkala sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pemeriksaan begini penting kerana mampu mengesan penyakit ketika masih pada peringkat awal seperti cogan kata mencegah lebih baik daripada merawat. Oleh itu, sebelum apa-apa yang tidak diingini berlaku, lebih baik jika kita melakukan tindakan awal pencegahan. Selain itu, kita haruslah mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat dalam kehidupan. Amalan baik ini akan mengelakkan diri daripada penyakit kronik dan kematian. Diet yang seimbang juga dapat memastikan tubuh seseorang memiliki zat yang diperlukan.

Secara realitinya, kita perlu melakukan senaman dua atau tiga kali seminggu agar tubuh dapat berfungsi dengan baik. Tekanan juga dapat dihilangkan menerusi senaman. Oleh itu, untuk memperoleh kesihatan yang baik, rakyat Malaysia hendaklah mengamalkan senaman yang konsisten. Sebenarnya, pada masa yang sama terdapat cabaran dalam penjagaan kesihatan diri untuk membina kehidupan yang lebih sempurna.

Tuntasnya, tanggungjawab dalam penjagaan kesihatan tidak sepaututnya dilupakan oleh setiap individu. Walaupun tugas individu, namun semua pihak sewajarnya peka akan keperluan kesihatan dalam menjamin kehidupan yang lebih bermakna.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Nilai Kesihatan' oleh Nur Amira Talib,
Dewan Siswa, November 2016)

Bahan 2

Pantun Sihat

Bunga kembang pagi Selasa,
Kumbang terbang iring agas,
Air kosong amalan biasa,
Badan sihat otak cerdas.

Pohon redup daun bidara,
Kolam ikan tengah halaman,
Andai hidup kekal sejahtera,
Banyakkan makan ulam-ulaman.

Dari utara petah bicara,
Terampil diri penuh sopan,
Makanan segera pengaruh selera,
Cabaran utama pelihara kesihatan.

Malam tenang terang bulan,
Bintang cerah awan biasa,
Kemudahan sukan jadi bualan,
Serba kurang rosak sentiasa.

MKamil
Bukit Wang.

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN SET 1

Soalan 1 – Morfologi

Kata Hubung Pancangan

- (i) yang
- (ii) bahawa
- (iii) untuk
- (iv) supaya
- (v) hingga

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2: Sintaksis

(Tukar Ayat Aktif Kepada Ayat Pasif)

Berikan **2 markah** bagi setiap ayat pasif yang betul

1. Akta Orang Kurang Upaya 2008 telah dirangka oleh kerajaan untuk memastikan golongan ini menikmati pelbagai kemudahan.
2. Pelbagai jenis persekolahan khas telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada peringkat rendah mahupun menengah.
3. Selain itu, inisiatif pinjaman modal untuk memulakan perniagaan turut disediakan oleh kerajaan bagi golongan OKU yang meminati bidang perniagaan.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

- | | | |
|-------------------|---|-------------------------|
| 1. april | - | APRIL |
| 2. diatas | - | di atas |
| 3. suara sebulat | - | sebulat suara |
| 4. meningkat | - | meningkatkan |
| 5. Melindungkan | - | melindungi |
| 6. Hal ini kerana | - | Hal ini demikian kerana |
| 7. Kepada | - | akan |
| 8. Setuju | - | sokongan |
| 9. Kraftangan | - | kraf tangan |
| 10. Membuang | - | terbuang/ buangan |
| 11. Dari | - | daripada |
| 12. Setia usaha | - | setiausaha |

[Maksimum : 11 markah]

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4.

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>gramatis</i>	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan (Campur aduk)	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Semua kata Seri Amerta itu telah disampaikan oleh Tun Perak kepada Duli Yang Dipertuan. Baginda pun tersenyum, lalu bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu."

Sirih daripada puan milik baginda diambil baginda lalu disuruh oleh baginda memberikannya kepada Tun Perak. Titah baginda kepada Tun Perak, " Tun Perak tidak patut diam/tinggal / menetap di Kelang lagi dan sebaik-baiknya Tun Perak diam/ tinggal / menetap / di negeri."

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa
Senaraikan Peribahasa dan Membina Ayat

- | | |
|---|---|
| (i) Melentur buluh biarlah daripada rebungnya | 1 |
| | 1 |
| (ii) Seikat bagai sirih serumpun bagai serai | 1 |
| | 1 |
| (iii) Bagai aur dengan tebing | 1 |
| | 1 |
| (iv) berat sama dipikul ringan sama dijinjing | 1 |
| | 1 |

[Maksimum : 6 markah]

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Soalan 6

(i) Maksud menetapkan tujuan

Markah

- | | |
|--|---|
| - menentukan/memastikan haluan/sasaran | 2 |
| - menentukan/memastikan <i>tujuan</i> | 1 |
| - <i>menetapkan</i> haluan/sasaran | 1 |

(ii) Kriteria-kriteria

Bahan 1

P1 perlu bersifat kreatif dalam mencipta pekerjaan atau perniagaan,

P2 mendapat pendedahan dan bimbingan secara menyeluruh sebelum tamatnya pengajian

Bahan 2

P3 perlu menguasai perkataan

P4 pemasaran serta mampu menjana idea kreatif

Bahan 3

P5 sikap positif

P6 kemahiran komunikasi

P7 kerjasama

P8 etika kerja

P9 pemikiran kritis

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

(iii) Usaha-Usaha

P1 menawarkan lebih banyak kursus pengajian/pendidikan

P2 pendedahan dan galakan ibu bapa sejak kecil

P3 menyediakan pelbagai kemudahan/subsidi

P4 meningkatkan kemajuan teknologi pertanian

(usaha lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Persediaan-persedian rakan saya

- P1** Meminta/membantu rakan mencari maklumat tentang jabatan tersebut
P2 Menasihati rakan menjaga penampilan diri/pakaian/peribadi
P3 Meminta/membantu rakan menyediakan dokumen/fail/keperluan jawatan tersebut

(Persediaan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7

(i) Ilmu yang diwarisi

Bahan 1

P1 ilmu persilatan

P2 pembuatan tanjak

[Maksimum: 2 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Kepentingan-kepentingan warisan

Bahan 1

P1 supaya generasi akan datang kenal tentang warisan Melayu terdahulu

Bahan 2

P2 tetap pelihara dan terus terjaga

P3 tidak Melayu hilang di dunia

P4 agar berguna kepada semua

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Cabaran generasi muda

P1 Pengaruh budaya Barat/Kuning

P2 Pengaruh media sosial/teknologi komunikasi

P3 Persepsi negatif sesetengah pihak / golongan tua/tidak mendapat Kerjasama

(Cabarannya boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Peranan saya

P1 Membantu guru dalam persiapan tempat/bahan pertandingan

P2 Menggalakkan rakan-rakan/ahli kelab menyertai pertandingan yang diadakan

P3 Menceritakan kebaikan/tujuan program kepada rakan-rakan/ahli kelab

P4 Mengajak rakan-rakan/ahli kelab menghadiri/menonton pertandingan

(Peranan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

(i) Kekangan-kekangan

- P1** Tiada muafakat
- P2** Terpaksa membuat pilihan daripada wakil rakyat
- P3** Nama pemilik tapak sudah menjadi arwah
- P4** Nilai tanah mahal dan akan mahal daripada masa depan
- P5** Masing-masing memagar kawasan
- P6** Orang kampung tidak mahu menjual tanah kepada pemaju

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

Panduan Pemarkahan Bagi Soalan 8(ii)

(ii) Soalan novel: 6 markah

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap/ jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(ii) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari,uraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan menyelesaikan masalah

JENDELA MENGHADAP JALAN karya Ruhaini Matdarin

Peristiwa	Kebijaksanaan Menyelesaikan Masalah
Peristiwa kebijaksanaan Lili berusaha menyelesaikan masalah rumah tangga keluarga Che Jah.	<ul style="list-style-type: none"> - Lili meminta bantuan daripada puan Hamimah iaitu Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyelesaikan masalah berkaitan suami dan anak-anak Che Jah. - Lili berusaha untuk memastikan Che jah mendapat bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. <p>Sebab : menghubungi pihak yang berwajib/ tidak bertindak sendiri/ menggunakan saluran yang betul</p>
Peristiwa kebijaksanaan Lili berusaha menyelesaikan isu kubah dalam kalangan penduduk Kampung Sentosa.	<ul style="list-style-type: none"> - Lili, Danel dan Geetha bekerjasama menyelesaikan isu kubah surau dalam kalangan penduduk kampung sama ada diletakkan pada masjid yang belum dibina atau pada bumbung surau yang lama. - Lili, Danel dan Geetha berbincang dengan penduduk kampung dan mendapatkan kata sepakat tentang isu pemasangan kubah. <p>Sebab : bijak memberikan alasan/ hujah kepada penduduk kampung</p>

SONGKET BERBENANG EMAS karya Khairudin Ayip

Peristiwa	bijak menyelesaikan masalah
Peristiwa kebijaksanaan Dahlia menghadapi tuduhan Aton yang menuduhnya sebagai penyebab kematian anaknya	<ul style="list-style-type: none"> - Aton menuduh Dahlia menjadi penyebab kematian anaknya, Said semasa Dahlia menziarahi jenazah Said. <p>Sebab : mendiamkan diri lalu pulang ke rumah supaya konflik tidak berpanjangan</p>
Peristiwa kebijaksanaan Dahlia mengulang kaji pelajaran setelah menguruskan segala keperluan adik-adiknya.	<ul style="list-style-type: none"> - Dahlia keluar dari asrama untuk menguruskan adik-adiknya di rumah setelah ibunya dimasukkan ke Hospital Permai. - Dahlia tetap mengulang kaji pelajarannya walaupun kepenatan setelah menguruskan keperluan adik-adiknya. <p>Sebab : Bijak menguruskan masa/ bijak melaksanakan tanggungjawab</p>

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas / peribahasa
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)	Markah Maksimum
(i) Pendahuluan			2
(ii) Isi Bahan 1			
Fokus 1 (Kelebihan)	3	3 2 2 1 1	
Fokus 2 (Peranan)	4	2 3 2 2 2	16
(iii) Isi Bahan 2			
Fokus 1 (Kepentingan)	1	1 1 1 2 1	
Fokus 2 (Peranan)	1	1 1 1 1 1	
(iii) Isi Bahan 3			
Fokus 2 (Peranan)	3	1 1 2 2 3	
(iv) Penutup/Kesimpulan			2
Jumlah Markah			20

(a) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

	Markah
P1 ... membincangkan usaha-usaha/ langkah-langkah/ cara-cara menyemarakkan kesenian dan kebudayaan dan kepentingan-kepentingan/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ manfaat-manfaat kesenian dan kebudayaan.	2
P2 ... membincangkan usaha-usaha/ langkah-langkah/ cara-cara menyemarakkan kesenian dan kebudayaan. (HANYA MENYATAKAN SATU FOKUS SAHAJA)	1
P3 ... membincangkan kepentingan-kepentingan/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ manfaat-manfaat kesenian dan kebudayaan (HANYA MENYATAKAN SATU FOKUS SAHAJA)	1

Isi [16 markah]

**FOKUS 1 : Usaha-usaha/ langkah-langkah/ cara-cara menyemarakkan kesenian
Dan kebudayaan**

Bahan 1

A1 pelbagai aktiviti yang melibatkan bidang kesenian dan kebudayaan dianjurkan	2
A2 kerajaan sewajarnya memartabatkan kesenian dan kebudayaan yang diwariskan oleh generasi terdahulu	2
A3 filem perlu mengangkat nilai sejarah negara secara lebih kreatif	2

Bahan 2

B1 Mempromosikan kesenian dengan aktiviti menarik	2
B2 Memelihara seni budaya yang ada	2
B3 Memberi insentif kepada penggiat seni	2

FOKUS 2 : Kepentingan-kepentingan/ faedah-faedah/ kelebihan-

kelebihan/ manfaat-manfaat kesenian dan kebudayaan

Bahan 1

- | | | |
|-----------|---|----------|
| C1 | membentuk sebuah negara bangsa yang mempunyai identiti tersendiri | 2 |
| C2 | mempengaruhi minda dan nilai masyarakat | 2 |
| C3 | menyatukan masyarakat yang mempunyai persilangan budaya | 2 |
| C4 | menghayati nilai seni dan budaya masyarakat tempatan | 2 |
| C5 | memupuk perpaduan melalui lirik dan iramanya | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|-----------|--|----------|
| D1 | Menjadi kebanggaan sejak turun-temurun | 2 |
| D2 | Nilai murni dapat diwarisi | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|-----------|---|----------|
| K2 | Kesimpulannya, kesenian dan kebudayaan perlulah disemarakkan agar perpaduan negara dapat dikekalkan | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, kesenian dan kebudayaan perlulah disemarakkan | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

SKEMA JAWAPAN SET 2

Soalan 1 – Morfologi

Kata Adjektif

- (i) **kecil** - tidak besar, tidak luas, tidak lebar
- (ii) **putih** - warna yang paling cerah (seperti kapas)
- (iii) **kuning** - warna seperti warna kunyit (tembaga dan lain-lain)
- (iv) **halus** - tidak besar, kecil-kecil
- (v) **kuat** - banyak tenaga, tidak lemah, bertenaga, berdaya, tegap

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2: Sintaksis

Tukar Cakap Ajuk Kepada Cakap Pindah

Berikan **2 markah** bagi setiap ayat cakap pindah yang betul

1. Suraya berasa kagum lalu menyatakan bahawa tempat itu bersih sungguh dan dahulu tidak begitu.
2. Adam menyatakan bahawa kini kesedaran masyarakat tentang kebersihan di tempat awam semakin meningkat.
3. Kavitha pula memberitahu bahawa pada minggu lepas, dia dan Suraya telah pergi ke tempat perkelahan berhampiran rumahnya tetapi keadaannya amat mendukacitakan.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

- | | | |
|----------------------------|---|-----------------------------------|
| 1. banyak faedah-faedah | - | banyak faedah |
| 2. melahir | - | melahirkan |
| 3. atau pun | - | ataupun |
| 4. bagi | - | untuk |
| 5. Hal ini demikian kerana | - | Hal ini dikatakan demikian kerana |
| 6. di dalam | - | dalam |
| 7. belajar | - | pelajaran |

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

- | | |
|---------------|----------------|
| 1. Esukan | - E-sukan |
| 2. bertanding | - pertandingan |
| 3. perserta | - peserta |
| 4. kategori | - kategori |
| 5. duit | - yuran |
| 6. October | - Oktober |

[Maksimum : 5 markah]

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4

Deskripsi	Markah (4markah)
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>gramatis</i>	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan (Campur aduk)	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Sultan Muzaffar Syah bersetuju apabila mendengar kata-kata Tun Perak. Dalam hati baginda, Tun Perak ini tidak sesuai lagi menjadi bentara, tetapi sesuai menjadi Perdana Menteri.

Kemudian baginda menggelarnya Paduka Raja dan disuruh duduk di seri balai setaraf dengan Seri Nara Diraja. Paduka Raja pun naik lalu duduk berhampiran dengan Seri Nara Diraja di seri balai dan Seri Nara pun beralih ke tengah.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

- | | |
|--|---|
| 1. melentur buluh biarlah dari rebungnya / melentur biarlah waktu rebung | 2 |
| 2. seperti api dalam sekam / seperti gunting dalam lipatan | 2 |
| 3. bagai aur dengan tebing | 2 |

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 6

1. Maksud rangkai kata *pembangunan pesat* ialah :

- | | |
|------------------------------|----------|
| - perkembangan cepat/pantas | 2 |
| - perkembangan pesat | 1 |
| - pembangunan cepat / pantas | 1 |

2. Punca-punca berlakunya pencemaran sungai :

Bahan 1

P1 teknologi takungan air yang diamalkan sekarang sudah ketinggalan zaman dan tidak sesuai dengan pembangunan pesat di sepanjang sungai pada hari ini

Bahan 2

P1 pembuangan sampah ke dalam sungai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab

P2 akibat kegiatan pembalakan

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

3. Kepentingan sungai kepada manusia.

P1 sumber makanan dan punca pendapatan

P2 medium pengangkutan terutama kepada penduduk di kawasan pedalaman

P3 tempat aktiviti rekreasi

(Kepentingan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

4. Sebagai seorang penduduk kampung yang prihatin, langkah-langkah yang boleh saya ambil bagi memastikan kejadian membuang sisa toksik ke dalam sungai tidak berlaku lagi pada masa akan datang :

- P1** memaklumkan kejadian membuang sisa toksik ke dalam sungai kepada ketua kampung dengan segera
- P2** merekodkan video dan menularkan kejadian tersebut melalui media sosial
- P3** menghubungi pihak Jabatan Alam Sekitar untuk memaklumkan kejadian membuang sisa toksik ke dalam sungai
- P4** membuat aduan kepada wakil rakyat.
- P5** melaporkan kejadian membuang sisa toksik ke dalam sungai kepada pihak polis.

(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7

1. Maksud rangkai kata *merentas dunia tak bertepi* ialah :

- melintasi bumi tanpa sempadan **2**
- melintasi bumi tak bertepi **1**
- melintasi dunia tanpa sempadan **1**
- melintasi dunia tanpa kawasan **0**

2. Kepentingan-kepentingan bahasa Melayu :

Bahan 1

- P1** Bahasa menyatukan semua
- P2** Bahasa dapat memajukan bangsa dan negara
- P3** Bahasa jiwa bangsa

Bahan 2

- P4** Bahasa itu maruah bangsa
- P5** Menjalankan ikatan mesra dan keteguhan bangsa

Bahan 3

- P6** warisan kita yang tinggal
- P7** Bahasa jiwa bangsa

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

3. Cara memartabatkan bahasa Melayu di negara kita.

- P1** Masyarakat perlu menggunakan bahasa Melayu dengan betul semasa bertutur dan menulis
- P2** Semua urusan rasmi dan surat – menyurat mesti menggunakan bahasa Melayu
- P3** Mewajibkan semua guru bahasa Melayu di SJKC /SMKJC dan SJKT menggunakan bahasa Melayu semasa mengajar dan bukannya menggunakan bahasa Mandarin untuk diterjemahkan
- P4** Pihak Berkuasa Tempatan mewajibkan semua papan tanda dan kain rentang menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan tepat
- P5** Pihak sekolah melaksanakan program MBMMBI

(Cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

4. Sebagai rakan yang prihatin, nasihat-nasihat saya yang boleh diberikan kepada rakan saya untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu :

- P1** menasihati rakan agar membaca surat khabar, majalah, buku-buku ilmiah dan sebagainya untuk menambahkan kosa kata
- P2** menasihati rakan membuat latih tubi dan mengulang kaji soalan-soalan peperiksaan tahun lepas
- P3** menasihati rakan memberikan tumpuan sepenuhnya ketika guru mengajar di dalam kelas
- P4** menasihati rakan bertanya kepada guru atau rakan jika tidak memahami akan sesuatu topik pembelajaran

(Nasihat lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

(i) Cabaran-cabaran

- P1** Mereka terpaksa berpindah ke pusat pemindahan.
- P2** Mangsa banjir terpekasa bersesak-sesak tinggal di pusat pemindahan
- P3** Tiada bekalan elektrik
- P4** Tidak mempunyai tempat tidur yang selesa
- P5** Tidak dapat menonton televisyen
- P6** Tidak dapat menikmati makanan yang berhidang.

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

Panduan Pemarkahan Bagi Soalan 8(ii)

(i) Soalan novel: 6 markah

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagiuraian yang lengkap/ jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

(ii) Peristiwa-peristiwa yang menunjukkan keprihatinan.

A. JENDELA MENGHADAP JALAN karya Ruhaini Matdarin

1. **Peristiwa** : Lili meminta bantuan daripada puan Hamimah iaitu Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyelesaikan masalah rumah tangga berkaitan suami dan anak-anak Che Jah.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan masyarakat setempat dalam membantu antara satu sama lain dalam kehidupan
2. **Peristiwa** : Lili, Danel dan Gheeta bekerjasama menyelesaikan penduduk kampung yang berselisih pendapat tentang isu pemasangan kubah sama ada diletakkan pada masjid yang belum dibina atau pada bumbung surau yang lama.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan anak-anak muda terhadap keharmonian suasana kampung.
3. **Peristiwa** : Lili menolak air kotak dan roti pemberian Geetha dengan baik sambil menegaskan dia tidak minum minuman berkarbonat dan bergula serta makanan yang diawet dengan pewarna atau bergaram tinggi
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan remaja terhadap penjagaan kesihatan di usia muda.
4. **Peristiwa** : Danel menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafik dan disembunyikan di sebuah pondok usang di dalam hutan
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatihan terhadap rakan dalam kesusahan

Nota : Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

B. SONGKET BERBENANG EMAS karya Khairudin Ayip

1. **Peristiwa** : Dahlia berusaha terjun ke dalam sungai yang berarus deras dan berkeladak semata-mata untuk menyelamatkan Said yang tenggelam.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan masyarakat memberikan bantuan walaupun mampu mengancam nyawa sendiri.
2. **Peristiwa** : Dahlia tidak membala-s sindiran yang dilemparkan oleh Mak Cik Aton setelah melihat Dahlia dihantar pulang dengan kereta oleh Azhari.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan remaja menunjukkan sikap berbudi bahasa dan baik hati seorang gadis yang menghormati orang yang lebih tua walaupun sering dicaci dan dihina.
3. **Peristiwa** : Dahlia sanggup keluar dari asrama sekolah untuk menjaga adik-adiknya yang masih kecil di rumah semasa ibu dan ayahnya dirawat di hospital.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan seorang kakak yang prihatin terhadap adik-adiknya dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga .
4. **Peristiwa** : Dalia tetap mengulangkaji pelajarannya walaupun terpaksa belajar di tempat kurang selesa iaitu di pusat pemindahan banjir di Kampung Parit Haji Rais ketika rumahnya dilanda banjir.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan seorang pelajar terhadap pelajaran dan masa depan walaupun dalam cabaran kehidupan bagi merealisasikan cita-cita.
5. **Peristiwa** : Embong mementingkan pelajaran anak-anaknya dan memastikan mereka mendapat pendidikan yang baik walaupun hidup dalam kemiskinan.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak demi masa depan yang lebih baik.

Nota : Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas / peribahasa
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)						Markah Maksimum
(i) Pendahuluan							2	
(ii) Isi Bahan 1								
Fokus 1 (Kelebihan)	3	3	2	2	1	1		
Fokus 2 (Peranan)	4	2	3	2	2	2		16
(iii) Isi Bahan 2								
Fokus 1 (Kepentingan)	1	1	1	1	2	1		
Fokus 2 (Peranan)	1	1	1	1	1	1		
(iii) Isi Bahan 3								
Fokus 2 (Peranan)	3	1	1	2	2	3		
(iv) Penutup/Kesimpulan							2	
Jumlah Markah							20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan

Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.
-------	--------------	--

Nota:

4. Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
5. Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
6. Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
7. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
8. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]	Markah
-------------------------------	---------------

- P1** ... membincangkan langkah-langkah/ cara-cara memilik tahap kesihatan yang baik dan kesan-kesan positif/ kepentingan-kepentingan/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ manfaat-manfaat menjaga kesihatan serta cabaran dalam penjagaan kesihatan . **2**
- P2** ... membincangkan langkah-langkah/ cara-cara memilik tahap kesihatan yang baik dan kesan-kesan positif/ kepentingan-kepentingan/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan/ manfaat-manfaat menjaga kesihatan. **1**
- (HANYA MENYATAKAN DUA FOKUS SAHAJA)
- P3** membincangkan langkah-langkah/ cara-cara memilik tahap kesihatan yang baik **1**
- (HANYA MENYATAKAN SATU FOKUS SAHAJA)

Isi [16 markah]

FOKUS 1 : Langkah-langkah/ cara-cara memiliki kesihatan yang baik

Bahan 1

- A1** Setiap individu perlu sedar bahawa tubuh sangat memerlukan penjagaan. **2**
- A2** pemeriksaan kesihatan berkala sekurang-kurangnya dua kali setahun **2**
- A3** mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat dalam kehidupan **2**
- A4** melakukan senaman dua atau tiga kali seminggu **2**
mengamalkan senaman yang konsisten

Bahan 2

- B1** Amalan minum air kosong perlu dibiasakan **2**
- B2** Membanyakkan makan ulaman **2**

FOKUS 2 : Kepentingan-kepentingan memiliki kesihatan yang baik

Bahan 1

- C1** mampu mengesan penyakit ketika masih pada peringkat awal **2**
- C2** akan mengelakkan diri daripada penyakit kronik dan kematian **2**
- C3** dapat memastikan tubuh seseorang memiliki zat yang diperlukan **2**
- C4** kesihatan diri sangat berguna membina kehidupan yang lebih sempurna **2**

FOKUS 3 : Cabaran-cabaran dalam penjagaan kesihatan

Bahan 2

- | | |
|---|----------|
| D1 Terpengaruh oleh makanan segera | 2 |
| D2 Kemudahan sukan kurang dan sentiasa rosak | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | |
|--|----------|
| K2 Kesimpulannya, penjagaan kesihatan perlulah ditingkatkan agar kesejahteraan hidup lebih terjamin | 2 |
| K3 Kesimpulannya, penjagaan kesihatan perlulah ditingkatkan | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



HAK CIPTA TERPELIHARA.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana -
mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi
kandungan modul ini dalam apa juga bentuk
dan cara sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada
Jabatan Pendidikan Negeri Perak